

16/08/2003

## Medan Samudera tumpuan pelancong

Daud Awang

SEPERTI kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Melaka suatu masa dulu terkenal sebagai A Hollow City atau bandar untuk tidur tetapi kini bangkit dengan pelbagai program pembangunan.

Program pembangunan ini dinikmati hasil pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) serta kebijaksanaan Ketua Menteri terdahulu dan kini, Datuk Seri Mohd Ali Rustam memainkan peranan memacu kemajuan Melaka.

Berikutan itu, walaupun pun negeri Melaka kecil tetapi sebenarnya ia lebih besar daripada Singapura dan sedang rancak membuat persiapan rapi mencapai status negeri maju menjelang 2010.

Salah satu daripada persiapan itu ialah membina atau menaik taraf semua medan selera di seluruh negeri bagi menggantikan gerai atau medan selera yang uzur atau usang.

Setakat ini, Melaka mempunyai 4,000 unit gerai dan daripada jumlah itu, separuh daripadanya terletak di kawasan tumpuan pelancong.

Imej bersih, selesa, sistematik, teratur dan seragam menjadi kriteria utama dalam proses menyediakan gerai terbabit.

Contohnya, Medan Samudera, Bandar Hilir, berkonsepkan Pekan Rabu di Alor Star, Kedah dan Pasar Seni di Kuala Lumpur, satu-satunya medan selera yang memenuhi kriteria itu.

Tidak hairan ketika majlis perasmian medan selera berkenaan, Isnin lalu, Mohd Ali mahukan Medan Samudera mengekalkan identiti sebagai pusat jualan makanan dan kraftangan yang terbersih di negeri ini.

Ini, katanya, pusat jualan berkenaan terletak di kawasan strategik selain menjadi tumpuan utama pelancong dari dalam dan luar negara terutama pada hujung minggu.

"Oleh kerana ia menjadi tumpuan pelancong, kawasan persekitarannya, kerusi, meja, lantai, dapur dan tandas perlu sentiasa bersih setiap masa.

"Kebersihan ini penting kerana ia dapat menarik pelancong membeli belah dan sekali gus membolehkan mereka menjamu selera selepas penat berbelanja," katanya.

Medan Samudera berharga RM3.037 juta menempatkan 100 lot gerai yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu 50 lot gerai di tingkat bawah menjual barangan kraftangan dan 50 lot di tingkat atas menjual makanan dan minuman.

Ia disewakan dengan kadar RM300 hingga RM350 sebulan dan mula beroperasi sejak awal bulan ini.

Medan Samudera ini mengetengahkan ciri-ciri antarabangsa, kualiti makanan yang baik, mutu kebersihan yang memuaskan dan corak perniagaannya tidak sama seperti gerai biasa kerana lokasinya adalah lebih eksklusif.

Pembinaan Medan Samudera tidak mengabaikan aspek pelancongan tradisional kerana unsur binaannya mementingkan asal usul sejarah pembangunan Melaka.

Aspek ini menjadi imej dan identiti Melaka dan membezakannya dengan negeri lain.

Pelaksanaan projek ini adalah sebahagian daripada usaha Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) memindahkan peniaga gerai di Jalan Taman ke suatu kawasan yang lebih komersil dan selesa.

Untuk memastikan usaha ini berjaya, Bahagian Penggeraian diwujudkan di Jabatan Ketua Menteri (JKM) untuk membantu kerajaan negeri dari aspek perancangan, penyelenggaraan dan pembinaan gerai di seluruh negeri.

Melalui Bahagian Penggeraian, lebih banyak projek pembinaan gerai baru dilaksanakan melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

membabitkan peruntukan RM2.2 juta.

Selain itu, projek pembinaan semula gerai persendirian membabitkan 46 unit gerai di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah (33 unit) dan Jasin (44 unit) tahun ini.

Di samping itu, sebanyak RM1.98 juta turut diperuntukkan untuk projek pembinaan gerai baru yang lain sepanjang tahun ini.

Sehubungan itu, Mohd Ali berkata, menjadi matlamat kerajaan negeri untuk memodenkan semua bangunan gerai di negeri ini bagi memastikan tiada lagi gerai buruk dan usang menjelang 2010.

"Bagi menangani masalah ini, saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) terutamanya perlu peka dan memberi perhatian serius terhadap permasalahan ini.

"Mereka hendaklah sentiasa membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa secara bersepadu untuk memastikan gerai yang gagal memenuhi kriteria ditetapkan tidak meneruskan operasi," katanya.